



## **POLISI SISTEM PENGURUSAN BERINTERGRASI (KESELAMATAN KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR)**

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah komited untuk:

1. Menyediakan dan mengekalkan persekitaran tempat kerja yang selamat dan kondusif bagi mencegah kecederaan dan penyakit di tempat kerja termasuk kesan persekitaran dari aktiviti dan perkhidmatan Majlis.
2. Mewujudkan objektif dan sasaran keselamatan kesihatan pekerjaan dan alam sekitar selaras dengan dasar MBMB dan melaksanakannya.
3. Mematuhi semua tuntutan keselamatan kesihatan pekerjaan dan alam sekitar serta lain-lain keperluan yang termaktub di dalam akta seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994 ; Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan mana-mana akta, enakmen termasuk kaedah, peraturan yang dibuat dibawahnya dan juga kod-kod amalan yang diterima pakai oleh Majlis.
4. Menyiasat semua punca risiko keselamatan kesihatan pekerjaan dan alam sekitar bagi mengurangkan bahaya keselamatan kesihatan pekerjaan dan impak persekitaran dari aktiviti dan perkhidmatan Majlis termasuk mencegah pencemaran dan melindungi persekitaran alam sekitar Bandaraya.
5. Menambahbaik sistem pengurusan berintegrasi yang dibangunkan di MBMB.
6. Melibatkan dan membimbing anggota kerja MBMB bagi memastikan warga kerja MBMB sentiasa dilatih tanpa mendatangkan risiko keselamatan kesihatan pekerjaan dan alam sekitar kepada warga bandaraya.

.....  
Datuk Zainal Bin Hj Abu

Tarikh: 01 Mac 2022